

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 13 MAC 2014

RUJUKAN : 6495

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah keputusan Lembaga Penapisan Filem terhadap filem buatan tempatan "*The New Village*". Kenapakah filem tersebut masih belum ditayangkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Filem “*The New Village*” pada asalnya telah diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) pada 11 September 2012 untuk tayangan dengan klasifikasi P13 iaitu klasifikasi di mana kanak-kanak yang berumur 13 tahun dan ke bawah boleh menonton dengan bimbingan ibu bapa/ penjaga.

Filem tersebut telah dijadualkan untuk ditayangkan di pawagam-pawagam di seluruh negara pada 22 Ogos 2013. Walau bagaimanapun, ekoran terdapatnya aduan-aduan dan bantahan-bantahan dari pelbagai pihak, maka LPF telah mengkaji semula kelulusan yang telah diberikan.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, aduan-aduan dan bantahan-bantahan yang dibangkitkan terhadap penayangan filem ini adalah kerana kandungan filem ini dikatakan mengagungkan Parti Komunis Malaya dan cuba mengangkat anggota gerila Parti Komunis Malaya sebagai hero yang menentang penjajah British, menggambarkan kezaliman Kerajaan pada masa itu iaitu (British) dan tidak langsung menunjukkan kekejaman Parti Komunis Malaya.

Dengan itu, filem ini dikatakan mempunyai mesej yang tersirat iaitu untuk mengubah fakta sejarah dengan mengagung-agungkan

perjuangan pengganas komunis sebagai pejuang kemerdekaan negara.

Pihak Lembaga Penapis Filem telah mengadakan perbincangan dengan pihak pengeluar filem tersebut dan hasil daripada perbincangan, pihak pengeluar filem bersetuju untuk mengolah semula filem tersebut supaya ianya tidak menggambarkan sebarang unsur-unsur sepertimana dibangkitkan di dalam aduan dan bantahan-bantahan seperti yang telah dinyatakan di atas.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, pengeluar filem telah pun mengolah semula filem "*The New Village*" dan telah dikemukakan kepada Lembaga Penapis Filem pada 24 Februari 2014 bagi tujuan 'preview' iaitu untuk mendapatkan komen dan maklum balas awal Lembaga.